

17 MAR 1999

Lim-Australia

ISU DUA PEGAWAI DAGANG AUSTRALIA SELESAI

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Isu dua orang pegawai dagang Australia di syarikat F&N Coca-Cola Bevarage Sdn Bhd, Shah Alam yang didakwa oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai menghina negara dan berkelakuan buruk, dianggap selesai, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

"Oleh kerana MTUC dan juga ketiga-tetiga kesatuan sekerja yang mewakili pekerja di syarikat berkenaan tidak dapat mengemukakan bukti dan asas yang kukuh untuk menyokong dakwaan-dakwaan terhadap dua orang pegawai dagang itu, maka dakwaan-dakwaan itu tidak wajar diterima dan saya anggap isu ini sudah selesai," katanya pada persidangan media selepas mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Menurutnya Jabatan Buruh telah menemuduga kira-kira 100 orang pekerja di syarikat tersebut untuk mencari bukti tetapi hasil temuduga itu tidak menunjukkan berlakunya perkara seperti dakwaan itu.

Lim berkata, pekerja di syarikat itu diwakili oleh tiga buah kesatuan sekerja iaitu Kesatuan Pekerja Industri Minuman (UBIW), Kesatuan Kebangsaan Pekerja Industri Pembuatan Minuman (NUDMIW) dan Kesatuan Pekerja Eksekutif Minuman (F&N BESU).

Katanya pada satu mesyuarat bersama antara kementeriannya, MTUC dan ketiga-tiga kesatuan yang mewakili pekerja dan pihak pengurusan syarikat berkenaan, dua dari tiga kesatuan tersebut menyatakan secara terbuka dan jelas mereka tidak ada sebarang bukti untuk menyokong dakwaan yang dibuat oleh MTUC itu.

NUDMIW menyatakan mereka tidak terlibat dengan dakwaan dan tidak pernah membuat aduan kepada MTUC manakala F&N BESU menyatakan ia sebenarnya diperalatkan oleh pegawai-pegawai eksekutif kanan tertentu syarikat berkenaan untuk membuat aduan bagi kepentingan peribadi mereka dan oleh itu mereka menarik balik aduan tersebut.

"UBIW tidak mahu menarik balik aduan walaupun ia mengaku bahawa ia tidak dapat menunjukkan bukti dan asas untuk menyokong tuduhan terhadap dua orang pegawai dagang Australia itu selepas diberi masa yang secukupnya untuk mengemukakan bukti dan asas yang diperlukan," katanya.

Pada mesyuarat itu juga, wakil MTUC juga tidak mahu menarik balik tuduhan-tuduhan terhadap dua orang pegawai dagang Australia itu walaupun menyedari tidak ada bukti untuk menyokong tuduhan-tuduhan itu, tambahnya.

"Bagaimanapun, jika Senator Zainal Rampak (Presiden MTUC) ingin mengemukakan sebarang maklumat sampingan tentang kes ini kemudian hari kelak, dia boleh menyerahkan maklumat tersebut terus kepada Ketua Pengarah Buruh," katanya.

Dua orang pegawai dagang Australia itu yang memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan dan Pengurus Logistik dan Pengedaran itu didakwa oleh MTUC menghina undang-undang buruh Malaysia dengan menganggapnya sebagai "bodoh" dan "ketinggalan zaman".

Kedua-duanya juga didakwa mempersenda Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan cuti umum sempena kejayaan atlet Malaysia dalam beberapa acara pada Sukan Komanwel XVI tahun lepas dan menukar cuti umum keagamaan (Thaipusam dan Nuzul Quran) untuk digantikan dengan cuti umum lain yang tidak mempunyai kaitan keagamaan.

Selain itu, mereka juga didakwa mengarah dan menekan Jabatan Sumber Manusia Syarikat supaya membatalkan 17 Artikel yang sedia ada dalam Perjanjian Bersama yang menetapkan faedah-faedah penting bagi pekerja dan

seringkali menggunakan bahasa kasar dan lucah terhadap pekerja.  
-- BERNAMA  
APG LAT